PERKEMBANGAN MONETARI DAN KEWANGAN

Kadar faedah meningkat berikutan kenaikan OPR

Pada suku pertama 2006, penunjuk ekonomi terus menjurus ke arah pertumbuhan ekonomi yang mapan, disokong oleh permintaan sektor swasta yang mapan dan pertumbuhan ekonomi yang kukuh di peringkat global dan serantau. Walau bagaimanapun, kadar inflasi dijangka berterusan pada paras yang tinggi untuk beberapa waktu. Oleh itu, untuk menjajarkan kadar faedah mengikut keadaan ekonomi semasa, Kadar Dasar Semalaman (OPR) dinaikkan 25 mata asas kepada 3.25% pada 22 Februari 2006 dan OPR dinaikkan lagi kepada 3.50% pada 26 April 2006. Meskipun dengan dua peningkatan ini, kadar faedah terus berada di bawah paras neutral dan dengan itu, dasar monetari terus menyokong aktiviti ekonomi.

Purata wajaran harian bagi kadar antara bank semalaman bergerak dalam julat 2.98% - 3.25% pada suku pertama 2006 (S4 2005: 2.69% - 3.01%). Kadar antara bank bagi tempoh matang lain juga meningkat 22 hingga 24 mata asas. Berikutan kenaikan OPR pada 26 April 2006, purata wajaran harian bagi kadar antara bank semalaman bergerak dalam julat 3.46 – 3.50% pada tempoh 27 April hingga 26 Mei 2006, manakala kadar antara bank bagi tempoh matang lain naik sebanyak 30 hingga 37 mata asas pada tempoh ini.

Dari segi kadar faedah runcit, kadar pinjaman asas (BLR) purata bank perdagangan meningkat kepada 6.47% pada akhir bulan Mac 2006 (S4 2005: 6.20%), berikutan semua bank perdagangan membuat

Purata Wajaran Harian Kadar Antara Bank Semalaman



Operasi Mudah Tunai BNM
(Pada suku tahunan, RM juta)



Kadar Pemberian Pinjaman Bank Perdagangan
(purata bagi tempoh)



pelarasan dengan menaikkan BLR masing-masing. Kadar pinjaman purata (ALR) bank perdagangan meningkat kepada 6.29% (S4 2005: 6.12%). Pada akhir bulan April 2006, purata BLR dan ALR bank perdagangan masing-masing pada 6.58% dan 6.42%.

Kadar disebut purata bagi deposit tetap bank perdagangan untuk tempoh matang 1 hingga 9 bulan meningkat kepada 3.03% hingga 3.16% pada akhir bulan Mac 2006 (S4 2005: 3.01% hingga 3.08%), sementara kadar purata bagi tempoh matang 12 bulan tidak berubah pada 3.70%. Menjelang 15 Mei 2006, kadar purata bagi deposit tetap bank perdagangan bagi tempoh matang 1 hingga 12 bulan meningkat kepada 3.11% hingga 3.73%. Khususnya, kenaikan kadar ini jelas bagi tempoh matang 6 bulan dan 9 bulan, yang meningkat masing-masing kepada 3.31% dan 3.43% (S4 2005: masing-masing 3.04% dan 3.08%).

Kadar Faedah

	2005		2006
	S1	S4	S1
	Pada akhir tempoh (%)		
Kadar Dasar Semalaman (OPR)	2.70	3.00	3.25
Kadar antara bank			
Semalaman	2.72	3.00	3.25
1 bulan	2.77	3.12	3.25
Kadar pinjaman asas (BLR)			
Bank perdagangan	5.98	6.20	6.47
Kadar pinjaman purata (ALR)			
Bank perdagangan	5.90	6.12	6.29
Kadar deposit tetap			
Bank perdagangan			
3 bulan	3.00	3.02	3.06
12 bulan	3.70	3.70	3.70

Penentu-penentu M3

	2005			2006
	S1	S4	Tahun	S1
	RM bilion			
M3	26.4	10.8	49.7	16.5
Tuntutan bersih atas Kerajaan	-9.1	12.6	-5.5	2.8
Tuntutan atas sektor swasta	8.2	14.2	44.6	4.9
Operasi luar bersih[1]	29.0	-23.8	16.5	13.8
Pengaruh lain	-1.8	7.7	-6.0	-5.0

[1] Sebelum penilaian semula

Agregat monetari berkembang pada kadar lebih sederhana

Wang secara kecil atau M1 berkembang pada kadar tahunan 5.7% pada akhir suku pertama (S4 2005: 8.5%), sementara wang secara luas atau M3 meningkat 6.2% (S4 2005: 8%). Kadar pertumbuhan M3 yang lebih sederhana mencerminkan kenaikan kadar yang lebih perlahan dalam operasi luaran bersih.

Agregat Monetari: Pertumbuhan Tahunan



Namun begitu, pada suku pertama 2006, M3 meningkat lagi dengan pengembangan operasi luaran bersih. Tuntutan terhadap sektor swasta dan tuntutan bersih terhadap Kerajaan juga meningkatkan M3. Dalam hal tuntutan terhadap sektor swasta, peningkatan yang mapan dalam pinjaman terkumpul sistem perbankan diimbangi sebahagiannya oleh pegangan sekuriti oleh sistem perbankan yang lebih rendah.

Aktiviti pembiayaan sektor swasta kekal tinggi

Pada suku pertama 2006, pembiayaan kasar kepada sektor swasta daripada sistem perbankan dan pasaran modal berjumlah RM138.3 bilion dan ia berkembang pada kadar tahunan sebanyak 3.3% (S4 2005: RM151.1 bilion; +7.8%). Pada asas suku tahunan, pembiayaan adalah lebih rendah berbanding dengan paras tinggi yang lazimnya dicatat pada suku keempat. Pada asas bersih, pembiayaan sektor swasta melalui pinjaman sistem perbankan dan PDS terkumpul berkembang pada kadar tahunan 9.1% (S4 2005: 9.3%).

Secara agregat, penunjuk pinjaman utama mencatat paras yang lebih tinggi berbanding dengan suku yang sama tahun 2005. Dalam sektor perniagaan, permohonan dan kelulusan pinjaman adalah mapan, terutamanya bagi syarikat besar. Pengeluaran pinjaman kepada perusahaan perniagaan terus

Pembiayaan Sektor Swasta Melalui Sistem Perbankan dan Pasaran Modal

	Pada tempoh (RM bilion)				Pertumbuhan tahunan (%)		
	2005	S105	S4 05	S1 06	2005	S4 05	S1 06
Jumlah pembiayaan kasar	566.4	133.9	151.1	138.3	8.9	7.8	3.3
Pengeluaran pinjaman *	529.3	126.6	138.3	131.1	8.4	5.8	3.5
PDS kasar (tidak termasuk Cagamas)	30.8	5.3	11.7	6.9	20.3	67.1	30.3
Ekuiti	6.3	2.0	1.0	0.4	-2.5	-55.0	-81.0
Jumlah pembiayaan terkumpul (A)+(B)	62.2	11.1	17.4	11.1	9.3	9.3	9.1
Sistem perbankan	46.3	8.1	13.5	9.9	8.5	8.5	8.7
Pinjaman terkumpul (A)	44.2	8.6	10.1	8.2	8.6	8.6	8.4
Pegangan PDS	2.1	-0.6	3.5	1.6	6.3	6.3	13.2
PDS terkumpul (B)	18.0	2.5	7.3	2.9	11.4	11.4	11.5
Memoranda							
PDS kasar (termasuk Cagamas)	15.2	5.5	15.2	10.6	-58.3	50.4	92.7

* Pinjaman sistem perbankan termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas

Pembiayaan Kasar Sektor Swasta melalui Sistem Perbankan dan Pasaran Modal



Pinjaman mengikut Sektor

	Pengeluaran pinjaman					Pinjaman terkumpul
	Pada tempoh				Bahagian drpd. jumlah	Bahagian drpd. jumlah
	2005	S1 05	S4 05	S1 06		
	RM bilion			%		
Perusahaan perniagaan	360.1	86.9	94.2	88.3	67.4	39.7
Syarikat besar *	*249.5*	*61.0*	*65.0*	*59.3*	*45.3*	*21.8*
PKS *	*110.7*	*25.9*	*29.2*	*29.0*	*22.1*	*17.9*
Isi rumah	145.2	33.9	37.6	35.3	26.9	55.2
Mengikut sektor						
Pertanian, kegiatan memburu, perhutanan dan perikanan	13.8	3.1	3.6	3.0	2.3	2.0
Perlombongan dan kuari	1.6	0.5	0.4	0.6	0.4	0.2
Perkilangan	127.0	30.9	31.8	30.0	22.9	10.9
Sektor harta benda yang luas	92.6	22.0	24.0	22.6	17.3	41.1
Pembinaan	*30.4*	*7.4*	*7.7*	*7.4*	*5.7*	*5.2*
Pembelian rumah kediaman	*38.5*	*9.2*	*9.7*	*9.0*	*6.9*	*27.0*
Pembelian harta tanah bukan kediaman	*14.7*	*3.5*	*3.9*	*3.5*	*2.6*	*6.3*
Harta tanah	*9.0*	*1.9*	*2.6*	*2.7*	*2.1*	*2.6*
Bekalan elektrik, gas dan air	7.1	1.4	1.9	1.8	1.3	0.9
Perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel	97.5	22.3	25.5	23.8	18.2	8.3
Pengangkutan, penyimpanan dan perhubungan	9.8	1.9	2.4	2.7	2.0	1.8
Perkhidmatan kewangan, insurans dan perniagaan	35.7	11.1	9.8	9.5	7.3	5.7
Kredit penggunaan	100.8	23.0	26.5	24.5	18.7	22.4
Antaranya:						
Kad kredit	*42.7*	*10.0*	*11.7*	*11.4*	*8.7*	*3.0*
Pembelian kereta penumpang	*39.2*	*8.6*	*10.0*	*8.2*	*6.3*	*15.8*
Pembelian sekuriti	11.7	3.2	3.0	3.4	2.6	3.7
Pembelian kenderaan pengangkutan tidak termasuk kereta penumpang	0.7	0.2	0.1	0.2	0.1	0.4
Lain-lain	31.1	6.9	9.4	9.0	6.9	2.7
Jumlah	**529.3**	**126.6**	**138.3**	**131.1**	**100.0**	**100.0**

* Pada S1 2006, penunjuk pinjaman untuk PKS dan syarikat besar pada asas tahunan dan suku tahunan sebelumnya tidak dapat dibandingkan kerana terdapat beberapa pengelasan semula antara PKS dan syarikat besar, berikutan penerimaan pakai Definisi Standard PKS oleh institusi kewangan mulai bulan Mac 2006, seperti yang diluluskan oleh Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Penunjuk Pinjaman

	Pada tempoh (RM bilion)				Pertumbuhan tahunan %			
	2005	S1 05	S4 05	S1 06	2005	S1 05	S4 05	S1 06
Jumlah								
Permohonan pinjaman	305.4	68.4	72.1	70.2	11.7	16.9	6.4	2.7
Kelulusan pinjaman	192.2	42.7	47.7	45.5	10.7	14.8	10.4	6.7
Pengeluaran pinjaman	529.3	126.6	138.3	131.1	8.4	10.2	5.8	3.5
Bayaran balik pinjaman	489.2	117.9	129.2	121.6	6.0	4.8	7.1	3.1
Perubahan pinjaman terkumpul*	44.2	8.6	10.1	8.2	8.6	9.1	8.6	8.4
Antaranya:								
Perusahaan perniagaan								
Permohonan pinjaman	158.5	36.3	36.7	36.3	5.7	19.0	-2.0	-0.1
Kelulusan pinjaman	92.0	20.1	23.6	21.5	8.4	16.7	9.2	7.1
Pengeluaran pinjaman	360.1	86.9	94.2	88.3	7.4	11.1	3.7	1.6
Bayaran balik pinjaman	343.7	82.6	91.9	83.6	7.5	9.3	8.7	1.2
Perubahan pinjaman terkumpul*	6.5	-0.1	-0.9	-0.7	3.0	2.8	3.0	2.7
PKS								
Permohonan pinjaman	59.7	13.1	12.9	10.9	10.3	24.4	-7.2	-17.0
Kelulusan pinjaman	34.5	8.1	7.5	7.5	9.2	42.0	-14.1	-8.3
Pengeluaran pinjaman	110.7	25.9	29.2	29.0	10.2	9.6	7.5	11.8
Perubahan pinjaman terkumpul*	7.7	1.2	1.5	5.2	8.7	10.5	8.7	13.2
Syarikat besar								
Permohonan pinjaman	98.8	23.2	23.8	25.4	3.2	16.2	1.1	9.3
Kelulusan pinjaman	57.5	12.0	16.2	14.1	8.0	4.0	24.9	17.6
Pengeluaran pinjaman	249.5	61.0	65.0	59.3	6.2	11.7	2.1	-2.7
Perubahan pinjaman terkumpul*	-1.2	-1.2	-2.4	-5.9	-0.9	-2.0	-0.9	-4.5
Isi rumah								
Permohonan pinjaman	141.9	31.0	34.6	31.4	18.0	14.0	18.3	1.0
Kelulusan pinjaman	97.2	21.9	23.4	21.6	12.0	13.3	9.7	-1.0
Pengeluaran pinjaman	145.2	33.9	37.6	35.3	11.4	10.0	10.8	4.1
Bayaran balik pinjaman	115.1	28.1	29.9	30.7	7.6	4.6	7.3	9.3
Perubahan pinjaman terkumpul*	40.0	8.7	10.7	8.4	15.1	15.2	15.1	14.5

* Pertumbuhan tahunan adalah untuk akhir tempoh.
** Pada S1 2006, penunjuk pinjaman untuk PKS dan syarikat besar pada asas tahunan dan suku tahunan sebelumnya tidak dapat dibandingkan kerana terdapat beberapa pengelasan semula antara PKS dan syarikat besar, berikutan penerimaan pakai Definisi Standard PKS oleh institusi kewangan mulai bulan Mac 2006, seperti yang diluluskan oleh Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan.

Sumber: Bank Negara Malaysia

disalurkan terutamanya kepada sektor perkilangan (33.9% daripada jumlah pinjaman yang dikeluarkan kepada perusahaan perniagaan); perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel (27%); kewangan, insurans dan perkhidmatan perniagaan (10.8%); dan pembinaan (8.4%). Pada akhir suku pertama 2006, jumlah pinjaman terkumpul kepada perusahaan perniagaan meningkat pada kadar tahunan sebanyak 2.7%, sementara NPL sebagai peratusan daripada pinjaman terkumpul kepada perusahaan perniagaan terus menurun kepada 11% (akhir S4 2005: 11.2%).

Pemberian Pinjaman Bank kepada PKS



Dalam sektor isi rumah, kecuali kelulusan pinjaman yang mencatat paras yang rendah sedikit berbanding dengan paras yang dicatat pada suku pertama 2005, penunjuk pinjaman yang lain mencatat paras yang lebih tinggi. Pengeluaran pinjaman kepada sektor isi rumah didorong terutamanya oleh perbelanjaan kad kredit (32.3% daripada jumlah pinjaman yang dikeluarkan kepada sektor isi rumah); pembelian harta kediaman (25.7%); dan pembelian kereta penumpang (23.4%). Pinjaman terkumpul kepada sektor isi rumah meningkat 14.5% pada asas tahunan. Sementara itu, nisbah NPL kepada pinjaman terkumpul sektor isi rumah stabil pada 7.4% pada akhir S1 2006 (akhir S4 2005: 7.5%).

Dana yang Diperoleh dalam Pasaran Modal

	2005			2006
	S1	S4	Tahun	S1
	RM juta			
Oleh Sektor Awam				
Sekuriti Kerajaan, *kasar*	4,000	6,500	28,276	5,265
Tolak Penebusan	-	4,850	15,800	500
Tolak Milikan Kerajaan	-	-	-	-
Bersamaan Penerimaan bersih Persekutuan	4,000	1,650	12,476	4,765
Khazanah Bon, *bersih*	833	-	833	(1,700)
Terbitan Pelaburan Kerajaan, *bersih*	2,000	(1,000)	1,000	-
Bon Simpanan Merdeka, *bersih*	357	397	1,516	(500)
Dana Bersih yang Diperoleh	7,190	1,047	15,825	2,564
Oleh Sektor Swasta				
Saham	2,009	1,043	6,315	381
Sekuriti Hutang	5,486	15,161	38,196	10,574
Sekuriti Hutang Swasta (PDS)	5,286	13,801	35,656	6,889
Cagamas	200	1,360	2,540	3,685
Tolak Penebusan	4,212	4,701	18,617	5,499
Terbitan bersih	1,274	10,461	19,579	5,075
Terbitan bersih (tidak termasuk Cagamas)	2,634	9,851	22,224	2,992
Dana bersih yang Diperoleh	3,282	11,504	25,894	5,456
Jumlah Dana Bersih yang Diperoleh	10,473	12,552	41,719	8,021
Kertas dan Nota jangka pendek, *bersih*[1]	587	456	1,579	1,312
Jumlah	11,059	13,008	43,297	9,333

[1] Merujuk kepada Nota Cagamas dan Kertas Perdagangan sahaja.

Pasaran modal berterusan sebagai sumber pembiayaan penting

Pasaran modal kekal sebagai sumber pembiayaan penting kepada ekonomi, menggembleng dana bersih sebanyak RM8 bilion pada suku pertama 2006 (S4 2005: RM12.6 bilion), dengan sejumlah besar daripada pembiayaan diperoleh daripada pasaran bon.

Terbitan PDS mengikut Tujuan (% daripada jumlah)



Dalam pasaran sekuriti hutang swasta (PDS), pembiayaan kasar berjumlah RM10.6 bilion diperoleh 25 syarikat, terutama daripada sektor pembinaan dan perkhidmatan. Tidak termasuk Cagamas, dana yang diperoleh disalurkan terutamanya untuk membiayai aktiviti baru (78.2% daripada terbitan baru) dan pembiayaan semula hutang sedia ada (20.3% daripada terbitan baru). Setelah membuat pelarasan bagi penebusan sebanyak RM5.5 bilion, dana bersih yang diperoleh melalui pasaran PDS berjumlah RM5.1 bilion (S4 2005: RM10.5 bilion).

Dana yang diperoleh melalui pasaran ekuiti pada suku pertama berjumlah RM381 juta. Sejumlah besar dana telah diperoleh melalui lapan tawaran awam awal (IPO), yang bernilai RM306 juta. Pada suku pertama, lapan syarikat baru disenaraikan di Bursa Malaysia. Daripada lapan syarikat ini, satu disenaraikan di Papan Kedua dan tujuh dalam Pasaran MESDAQ.

Kerajaan memperoleh jumlah kasar sebanyak RM5.3 bilion melalui dua pembukaan semula Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS) dan satu terbitan MGS 10 tahun. Pada asas bersih, dana yang diperoleh sektor awam adalah

lebih tinggi pada suku pertama, iaitu berjumlah RM2.6 bilion (S4 2005: RM1.0 bilion).

Urus niaga sekunder lebih tinggi dalam pasaran bon

Dalam pasaran sekunder, jumlah urus niaga meningkat kepada RM75.5 bilion pada suku pertama (S4 2005: RM69.9 bilion). Sekuriti Kerajaan mencakupi 69% daripada jumlah urus niaga, diikuti jumlah sekuriti hutang swasta yang mencakupi 27.4% daripada jumlah urus niaga. Dari segi mudah tunai, bon GII dan MGS merupakan kertas yang paling cair, masing-masing mencatat nisbah mudah tunai 0.72 dan 0.26.

Arah Aliran Kadar Hasil MGS



tanda aras bagi MGS 10 tahun menurun sebanyak 12 mata asas pada suku pertama.

Nisbah Mudah Tunai: Urus Niaga / Nilai Terkumpul



Sepanjang suku pertama 2006, sentimen dalam pasaran bon terjejas oleh jangkaan peningkatan kadar faedah selanjutnya dalam suasana inflasi yang lebih tinggi. Kadar hasil tanda aras MGS jangka pendek meningkat semenjak bulan Februari, mencerminkan jangkaan pasaran tentang kenaikan kadar faedah. Di samping itu, kadar hasil juga dipengaruhi oleh kenaikan kadar hasil sekuriti Perbendaharaan AS berikutan kenaikan kadar Federal Fund. Sebaliknya, keluk jangka panjang mendatar sedikit kerana permintaan terhadap terbitan MGS 10 tahun baru secara relatif lebih tinggi daripada terbitan baru yang tersedia. Akibatnya, kadar hasil

Prestasi KLCI menunjukkan peningkatan

Sentimen pasaran bertambah baik meskipun terdapat kebimbangan terhadap kenaikan harga minyak mentah global dan inflasi dalam negeri. Sokongan yang mantap daripada kedua-dua institusi tempatan dan asing terus memberi kekuatan kepada pasaran. Pada suku pertama 2006, KLCI meningkat 26.84 mata (S4 2005: -27.75 mata), mengakhiri suku itu dengan lebih tinggi pada 926.63 (S4 2005: 899.79). Permodalan pasaran juga lebih tinggi, iaitu pada RM732.9 bilion (S4 2005: RM695.3 bilion). Aktiviti urus niaga meningkat dan mencatat urus niaga harian purata yang lebih tinggi, iaitu 779.5 juta unit pada suku pertama (S4 2005: 303.9 juta unit).

Prestasi Pasaran Global dan Serantau Terpilih Pada Suku Pertama 2006 (30 Dis 2005 - 31 Mac 2006)



Bursa Malaysia: Urus Niaga Sekuriti Korporat

	2005						2006	
	S1		S4		Tahun		S1	
	juta unit	RM juta	juta unit	RM juta	juta unit	RM juta	juta unit	RM juta
Urus niaga	30,042	56,261	18,541	35,264	102,338	177,321	45,988	53,671
Antaranya:								
Papan Utama	21,236	48,384	13,788	32,391	73,816	157,445	26,565	42,744
Antaranya:								
Produk Pengguna	1,018	3,117	647	1,863	3,694	10,197	1,808	4,834
Produk Perusahaan	4,829	5,767	1,633	2,020	12,150	14,143	3,147	3,133
Pembinaan	1,579	3,114	694	1,067	4,141	7,116	3,048	3,120
Perdagangan/Perkhidmatan	4,320	15,710	3,321	12,417	16,008	59,241	6,191	14,985
Kewangan	3,059	10,495	2,262	8,796	10,108	36,743	2,711	9,046
Harta benda	3,367	5,602	1,392	1,236	10,649	11,572	4,106	2,040
Perladangan	604	2,168	539	2,762	2,144	9,147	518	2,708
Perlombongan	0	1	0	1	0	10	0	1
Papan Kedua	5,537	5,586	1,708	1,175	15,161	12,289	5,837	4,532

Sumber: Bursa Malaysia

Bursa Malaysia: Penunjuk Pasaran Terpilih

	Pada akhir			
	2005			2006
	S1	S4	Tahun	S1
Indeks Harga				
Komposit	871.35	899.79	899.79	926.63
EMAS	204.98	203.85	203.85	213.36
Papan Kedua	101.76	80.44	80.44	91.14
Urus niaga harian purata				
Jumlah (juta unit)	509.19	303.94	414.33	779.45
Nilai (RM juta)	949.41	578.09	716.91	909.67
Permodalan pasaran (RM b)	694.89	695.27	695.27	732.9
Bilangan syarikat yang disenaraikan	982	1,021	1,021	1,025

Sumber: Bursa Malaysia

Pada 26 Mei 2006, KLCI ditutup lebih tinggi, iaitu pada 930.75 (sejak akhir bulan Disember 2005: +3.4%) dengan permodalan pasaran meningkat kepada RM732.83 bilion (sejak akhir bulan Disember 2005: +5.4%).

Perkembangan Kadar Pertukaran Asing

Pada suku pertama 2006, ringgit menambah nilai berbanding dengan mata wang utama. Ringgit kukuh berbanding dengan dolar AS dalam keadaan prestasi akaun semasa yang teguh, aliran modal baru dan prospek ekonomi yang lebih cerah. Dolar AS menyusut nilai berbanding dengan kebanyakan mata wang termasuk ringgit disebabkan persepsi pasaran bahawa skop kenaikan selanjutnya dalam kadar Federal Fund telah menjadi semakin terhad. Yen Jepun menyusut nilai berbanding dengan dolar AS dan juga ringgit dalam suasana ketidakpastian berikutan berakhirnya rangka kerja pelonggaran secara kuantitatif Bank of Japan, dan memandangkan kadar faedah tanda aras dibiarkan tidak berubah pada hampir sifar peratus.

Ringkasan Prestasi Ringgit Berbanding Mata Wang Terpilih
Peratus Pertukaran (1 Januari - 31 Mac 2006)



Pada tempoh yang sama, ringgit menyusut nilai berbanding dengan kebanyakan mata wang serantau dalam julat antara 0.3% - 5.4%, manakala menambah nilai sebanyak 1.9% berbanding dengan renminbi China. Rupiah Indonesia menambah nilai dalam keadaan aliran masuk dana asing yang berterusan ke dalam ekuiti dan aset berhasil tinggi. Baht Thailand menambah nilai berikutan spekulasi pasaran bahawa peningkatan kadar faedah tanda aras dan aliran masuk dana asing ke dalam ekuiti domestik akan berterusan. Won Korea dan peso Filipina menambah nilai ekoran penghantaran balik perolehan mata wang asing yang berterusan. Peso Filipina juga menambah nilai berikutan keyakinan pasaran terhadap kewangan kerajaan yang bertambah baik.

Prestasi Ringgit Berbanding Mata Wang Utama



Pada tempoh 1 April – 29 Mei 2006, ringgit terus bertambah kukuh berbanding dolar AS. Berbanding dengan mata wang serantau, ringgit menambah nilai dalam julat 1.5% - 4.8% berbanding dengan peso Filipina, rupiah Indonesia dan renminbi China, sementara menyusut nilai dalam julat 0.2% - 1.4% berbanding dengan won Korea, dolar Singapura dan baht Thai.

Prestasi Ringgit Berbanding Mata Wang Serantau



Prestasi Ringgit Berbanding Mata Wang Terpilih

RM kepada satu unit mata wang asing	Pada akhir tempoh					% perubahan sejak*			
	30 Jun 97	02 Sep 98	S1 05	S4 05	S1 06	30 Jun 97	02 Sep 98	S1 05	S4 05
Dolar AS	2.5235	3.8000	3.8000	3.7800	3.6860	-31.5	3.1	3.1	2.6
Euro	-	-	4.9125	4.4867	4.4829	-	-	9.6	0.1
Paun sterling	4.1989	6.3708	7.1415	6.5226	6.4337	-34.7	-1.0	11.0	1.4
100 yen Jepun	2.2088	2.7742	3.5446	3.2229	3.1397	-29.6	-11.6	12.9	2.7
Dolar Singapura	1.7647	2.1998	2.3034	2.2714	2.2778	-22.5	-3.4	1.1	-0.3
100 baht Thai	9.7470	9.3713	9.7013	9.2049	9.4914	2.7	-1.3	2.2	-3.0
100 peso Filipina	9.5878	8.8302	6.9381	7.1254	7.2077	33.0	22.5	-3.7	-1.1
100 rupiah Indonesia	0.1038	0.0354	0.0401	0.0385	0.0407	155.3	-12.9	-1.4	-5.4
100 won Korea	0.2842	0.2827	0.3734	0.3739	0.3781	-24.8	-25.2	-1.2	-1.1
Renminbi China	0.3045	0.4594	0.4509	0.4686	0.4599	-33.8	-0.1	-2.0	1.9

* (+) menunjukkan pengukuhan nilai ringgit berbanding dengan mata wang berkenaan dan (-) menunjukkan penyusutan nilai.